

MAHATHIR-GAJI R'R'R'

1982

ALUR SETAR, 30 JULAI (BERNAMA)-- KERAJAAN TIDAK BERCADANG MEMOTONG GAJI KAKITANGAN-KAKITANGANNYA WALAUPUN NEGARA MENGHADAPI KEADAAN EKONOMI YANG MELESET, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

HANYA PERDANA MENTERI, TIMBALAN PERDANA MENTERI, PARA MENTERI, TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN AKAN DIPOTONG GAJI MEREKA ANTARA \$1,000 DAN \$500 MULAI AHAD INI.

BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN ALUR SETAR DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PEMOTONGAN GAJI KAKITANGAN KERAJAAN DIDAPATI TIDAK PERLU KERANA LANGKAH KERAJAAN BERJIMAT-CERMAT HANYA DITUMPUKAN KEPADA BEBERAPA PERKARA SAJA.

+LAGIPUN SAYA SEDAR KAKITANGAN KERAJAAN MEMPUNYAI BANYAK MASALAH, + KATANYA.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI BERHARAP RAKYAT AKAN DAPAT MEMAHAMI KEADAAN DAN MASALAH NEGARA SEKARANG SERTA BERAZAM UNTUK BEKERJA KUAT DAN SANGGUP MENGHADAPI CABARAN AGAR NEGARA MENCAPAI KEBAHAGIAAN.-- LAGI 1230/HM

B528

MAHATHIR-GAJI 2 ALUR SETAR

+ SEKIRANYA RAKYAT, TERUTAMA KAKITANGAN KERAJAAN SANGGUP BEKERJA KUAT DAN TIDAK PULA MENGANJURKAN MOGOK, PENGELUARAN NEGARA AKAN MENINGKAT DAN RAKYAT SENDIRI AKAN DAPAT MENIKMATI FAEDAHNYA, + JELASNYA.

BELIAU MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA TIDAK ADA ERTINYA JIKA HANYA PEMIMPIN-PEMIMPIN DAN JUGA PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN SAJA RAJIN BEKERJA SEDANGKAN MEREKA SENDIRI MALAS.

+ UNTUK MEMPASTIKAN NEGARA MENCAPAI KEJAYAAN DALAM SEMUA BIDANG, RAKYAT SERTA KERAJAAN MEMPUNYAI TUGAS YANG SAMA, + KATANYA.

BELIAU BERHARAP RAKYAT AKAN MENCONTOHI ORANG-ORANG JEPUN YANG SANGGUP MENGORBANKAN TENAGA MEREKA UNTUK MENJAMIN KEJAYAAN NEGARANYA.-- BERNAMA 1233/HM